

TARIKH	10 / 06 / 2014	SEKSYEN	BERITA TEMPATAN
MUKA SURAT	45	RUANGAN	

Tiada jemaah dijangkiti Mers

KUANTAN — Jemaah negara ini yang baru pulang darimenuaikan ibadat umrah dan ziarah bersyukur tidak berdepan masalah berikutnya penularan virus Sindrom Pernafasan Timur Tengah (Mers) sebelum ini.

Syed Mohd Akhiruddin Syed Yahya, 35, yang baru pulang seminggu lalu berkata, tiada masalah yang dialami sepanjang dua minggu di Mekah.


"Semua jemaah sihat dan kami melakukan ibadat dengan penuh tawaduk.

"Apa yang penting adalah niat kita datang ke sana untuk menjadi tetamu ALLAH dan alhamdulillah kami tidak mengalami masalah apabila semua yang dirancang dapat dilaksanakan," katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Al Quds Travel, Wan Muhd Zamri Wan Salleh berkata, sehingga kini pihaknya tidak menerima surat penangguhan ke Kota Mekah dan mereka masih terus menawarkan pakej umrah dan ziarah mengikut peraturan seperti sedia kala.

Menurutnya, agensi mereka tidak mengenakan syarat tambahan kepada jemaah walaupun virus tersebut dikatakan sedang merebak di negara Timur Tengah itu.

"Alhamdulillah, sehingga kini ti-



Jemaah Malaysia sentiasa sihat sepanjang menuaikan ibadat umrah di Mekah dan Madinah.

ada jemaah dari negara lain di dunia yang dijangkiti penyakit tersebut melainkan penduduk tempatan dan penduduk tetap sahaja.

"Bagaimanapun, dinasihatkan juga kepada jemaah untuk sentiasa berhati-hati sepanjang mengerjakan ibadah di sana," katanya.

Wan Muhd Zamri berkata, pengelahan awal yang biasa diambil jemaah negara ini adalah mengambil suntikan sebelum pergi ke Mekah.

"Apa yang penting adalah keyakinan jemaah tersebut untuk menjadi tetamu ALLAH. Tidak se-

mua berpeluang untuk datang mengerjakan ibadat di sini.

"Apa sahaja yang berlaku adalah ketentuan ALLAH untuk umatnya," katanya.

Sejak 14 tahun menjadi agensi pelancongan yang menawarkan pakej umrah dan ziarah, hampir 50 ribu jemaah telah menggunakan khidmat agensi ini.

Sehubungan itu, Wan Muhd Zamri berharap agar jemaah yang bakal mengerjakan umrah dan ziarah di Makkah perlu fokus kepada ibadat mereka sepanjang berada di sana.